Fatimah al-Zahra’

Suatu Gambaran dari Riwayat Hidupnya

(9)

“Lalu Rasulullah mencium puterinya Siti Fatimah dan disuruhnya duduk di sebelah kanannya, kemudian baginda berbisik kepadanya, bahawa baginda terasa sampai ajalnya. Apabila Siti Fatimah menangis, maka baginda pun memujuknya dengan bersabda (maksudnya): “Engkaulah orangnya dari keluargaku yang pertama sekali mati menurutku.” Lalu baginda menambah sabdanya:

“Alā taradḍīna an takūnī saiyidata nisāi hadhihi al-ummah?”

(Tidakkah engkau suka – wahai Fatimah – untuk menjadi penghulu bagi kaum dari umat Islam ini?).”

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Tidak jauh dari khemah ayahandanya yang mulia, tinggallah Siti Fatimah di dalam khemahnya, berbaring di tempat tidurnya, sedang matanya tidak juga mahu tidur.

Ingatannya melayang-layang pada malam itu, terkenang ibunya: Siti Khadijah kalau-kalaulah ia masih hidup dan dapat menyaksikan Rasulullah sedang merayakan hari kemenangan yang besar itu.

Ia juga terkenangkan kekanda-kekandanya yang bertiga, yang telah wafat dan telah dikebumikan di Madinah, kalau-kalaulah mereka masih hidup dan dapat peluang kembali ke tanah air yang dikasihi, untuk bercampur dengan sekalian keluarga dan sahabat dalam perayaan yang sangat besar ertinya itu.

Malah kenangannya telah melayang jauh lagi. Ia terkenang masa kanak-kanaknya di rumahtangga yang berbahagia, ketika ayahanda dan ibunya serta sekalian adik beradik berkumpul dalam suasana yang tenteram dan penuh dengan rasa kasih sayang.

Semuanya itu menyebabkan Siti Fatimah, berasa lebih suka kalau dia tidak dapat tidur sepanjang-panjang malam itu, biarlah sehingga dapat mendengar suara “Bilal” melaungkan azan Subuh dari atas bumbung Ka‘bah yang mulia itu. Pada saat itu alam ini akan berupa khusyuk kerana mendengar suara azan yang bergema, dan orang-orang Islam pun akan bangun beramai-ramai lalu pergi ke Masjid al-Ḥaram, untuk menunaikan sembahyang Subuh – pertama kali di dalam sejarah Islam – di Baitullah yang telah dibersihkan dari berhala-hala dan lambang-lambang *shirk* (syirik).

Tatkala bersiap hendak keluar menunaikan sembahyang Subuh, Saiyidina Ali berkata:

"Engkau belum tidur-tidur lagi wahai Umm al-Husayn?"

dengan terharu Siti Fatimah menjawab:

"Mata tidak mahu tidur, kerana aku hendak menikmati suasana kembalinya kita ke tanah air dengan kemenangan yang besar. Aku hendak menikmatinya dalam masa aku jaga. Aku tak sampai hati hendak tidur, kerana takut rasa yang menggembirakan itu akan dinikmati hanya di dalam mimpi sahaja."

Siti Fatimah pun bangun sembahyang Subuh, dan kemudian tidurlah ia kerana sudah puas berjaga semalam-malaman.

* * *

Semenjak Siti Fatimah berada di tanah air Makkah, timbul cita-cita hendak kembali ke rumahnya, tempat dia dilahirkan, dan tempat dia bermain-main semasa kecil, dan juga tempat Ali – anak angkat Rasulullah – dididik dan dibesarkan. Tetapi rumah yang beriwayat itu telah berpindah milik kepada "'Aqil ibn Abi Talib" semenjak Nabi dan keluarganya berhijrah ke Madinah, dan baginda tidak pula berniat hendak mengambilnya semula.

Siti Fatimah telah bertanya di dalam hatinya: Rumah mana gerangan yang dipilh oleh ayah kamu untuk kami tinggal selama kami berada di Makkah?

Demikian juga kaum Ansar telah bertanya-tanya sesama sendiri tentang itu. Kerana mereka menyangka bahawa Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* akan tinggal menetap di negeri Makkah setelah Tanah Suci itu dikuasai oleh baginda, dan kerana mereka melihat baginda terlalu gembira memandang kaum Quraisy beramai-ramai memeluk Islam, dan baginda sangat-sangat mengambil berat dalam usaha menyatu padukan mereka di dalam Islam. Lebih-lebih lagi kerana mereka (kaum Ansar), melihat baginda terlalu sukanya kembali ke Makkah setelah meninggalkan tanah airnya yang dikasihi itu sekian lamanya:

Dengan sangkaan yang demikian, salah seorang daripada mereka berkata:

"Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah berjumpa dengan kaumnya (dan melupakan kami)."

Hasan ibn Thabit pula (ahli syair dari kaum Ansar yang kebilangan, yang juga menjadi ahli syair bagi Rasulullah yang sentiasa menangkis bidasan ahli-ahli syair dari kaum Jahiliyah terhadap Nabi), kedengaran bersyair, dengan kata-kata yang merayu kepada Nabi dan menyatakan rasa sedihnya, kerana baginda nampaknya telah memberikan limpah kurnia kepada kaum Quraisy dan suku-suku Arab yang lain, sedang kaum Ansar telah dilupakan. Kata Hasan bermadah:

Pergilah mengadap Rasulullah, dan berkatalah:
Wahai sebaik-baik mukmin bagi orang-orang yang beriman
ketika kelebihan-kelebihan manusia menjadi perhitungan.
Mengapa suku "Salīm" yang bukan penyokong dan
pembela
Mengapa mereka diutamakan atas kaum Ansar:
Yang telah menyokong dan membela tuan?
Bukankah Allah yang menamakan mereka kaum Ansar?
Kerana pembelaan mereka terhadap agama pertunjuk
dan penyokong dalam masa peperangan sedang menyala?
Mereka telah berlumba-lumba dan berdahulu-dahuluan
untuk merempuh segala bahaya
dengan hati terbuka dan ria gembira
tidak pernah mengonyok dan mengeluh!
Musuh – pada saat itu – mengepung kita beramai-ramai
sedang kita tidak ada penangkis selain daripada pedang

dan batang-batang tumbuk yang bercerancangan?

Kami berjuang terus berpantang undur

tidak pula kami berlaku khianat, dan tersungkuk

sedang orang-orang lain – seluruhnya

berdiam diri dan teragak-agak!

Suara Hasan yang mendayu-dayu dengan syairnya itu kedengaran kepada Siti Fatimah , sebagaimana juga telah didengari oleh penduduk Makkah seluruhnya. Terbayang-bayang kepada Siti Fatimah akan kesan buruk yang akan timbul daripada kata-kata yang berupa tempelak dan penyesalan yang terkandung di dalam syair itu, dan ngerilah dia mengenangkan apa yang akan berlaku kelak, meskipun dia masih percaya bahawa ayahnya – Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* –akan dapat menyelesaikan kerumitan yang baharu timbul itu.

Tetapi bagaimana cara penyelesaiannya?

Siti Fatimah tidak dapat menentukan, tiba-tiba dia mendengar ayahnya bertanya kepada "Sa'ad ibn 'Ubādah" yang telah datang menghadap dan menyampaikan rasa tak puas hati kaumnya – kaum Ansar.

"Bagaimana pula perdirian mu?" tanya Rasulullah.

"Ya Rasulullah, jawab Sa'ad, "Saya samalah sependapat dengan kaum saya."

baginda tidak pula menunjukkan air muka benci mendengar jawapan Sa'ad itu. Bahkan telah menunujukkan rasa belas kasihan dan telah meminta kepadanya supaya mengumpulkan kaumnya. Setelah kaum Ansar berkumpul, baginda pun keluar mendapatkan mereka. Setelah memuji Allah '*Azza wa Jalla,* baginda pun menjelaskan kedudukan perkara itu, ujarnya:

"Wahai sekalian kaum Ansar, apa dia perkara kamu yang disampaikan kepada aku, dan apa dia yang menyebabkan kamu tidak berpuas hati? Tidakkah aku datang kepada kamu ketika kamu sesat lalu Allah memberi pertunjuk kepada kepada kamu, dan kamu hidup dalam kepicikan lalu Allah melapangkan kehidupan kamu, dan kamu juga bermusuh-musuhan sesama sendiri lalu didamaikanNya kamu?"

Mereka menjawab beramai-ramai:

"Bahkan. Allah dan Rasul-Nya jua yang berhak menyebut-nyebut akan limpah kurnia yang telah dikurniakan-Nya kepada kami itu."

"Mengapa kamu tidak menjawab pertanyaanku, wahai sekalian kaum Ansar?" Nabi bertanya, lalu mereka berkata dengan terharu:

"Dengan apa kami hendak menjawab pertanyaan tuan ya Rasulullah? Bagi Allah dan bagi Rasul-Nya jua hak dan kelebihan untuk menyebut-nyebut akan limpah kurnia Allah yang telah dilimpahkan kepada kami itu."

Tiba-tiba mereka mendengar Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda (maksudnya):

"Demi Allah, kalaulah kamu mahu menjawab tentulah kamu akan berkata, dan benarlah apa yang kamu katakan itu, dan akan diakui pula kebenarannya, (iaitu kamu akan berkata): ((Tuan telah datang mendapatkan kami ketika tuan telah didustakan oleh kaum tuan, lalu kami akui kebenaran agama yang tuan bawa itu, dan tuan ketika itu telah dikecewakan oleh kaum tuan lalu kami menyokong tuan, dan tuan telah diusir oleh kaum tuan lalu kami beri tempat perlindungan, dan tuan berkehidupan picik lalu kami membantu tuan!)) Wahai sekalian kaum Ansar adakah kamu memandang sangat kepada harta benda yang sepalit (yang menjadi daki dunia) itu, yang aku berikan kepada suatu kaum untuk menjinakkan hati mereka supaya mereka memeluk Islam? Sedang kamu aku serahkan kepada semangat keislaman

kamu? Tidakkah kamu reda wahai sekalian kaum Ansar, kalau orang ramai balik ke tempat masing-masing dengan membawa kambing dan unta, dan kamu pula balik bersama-sama dengan Rasulullah ke tempat kamu? Demi Allah yang diri Muhammad terletak dalam kekuasaannya, kalaulah tidak kerana adanya hijrah nescaya aku menghitungkan diriku daripada kaum Ansar, dan kalaulah orang ramai melalui satu simpang jalan dan kaum Ansar pula melalui simpang yang lain nescaya aku akan melalui simpang kaum Ansar. Ya Tuhanku limpahkanlah rahmat kepada kaum Ansar dan kepada anak-anak kaum Ansar serta cucu cicit kaum Ansar!"

Menangislah kaum Ansar mendengar akan sabda Nabi itu sehingga basah janggut-janggut mereka, lalu mereka bersorak dengan sepenuh-penuh iman:

Kami reda dengan (hanya membawa balik), Rasul Allah sebagai hak pembahagian yang telah diuntukkan bagi kami.

Demikian juga menangislah orang-orang Makkah mendengar sabda Nabi itu, lebih-lebih lagi kerana mereka melihat baginda sedang bersiap hendak berangkat kembali ke Madinah, negeri tempat berhijrah, yang telah dipilih oleh baginda menjadi negeri tempat bermaustatin.

Siti Fatimah pula pergi memberi selamat tinggal kepada rumah tempat dia dididik dan dibesarkan dahulu, dan kemudiannya pergi berziarah kubur bondanya Siti Khadijah sebelum tiba saat berangkat.

Hanya kira-kira dua bulan setengah Siti Fatimah tinggal di Tanah Suci Makkah, kerana kedatangannya ke negeri itu pada bulan Ramadan tahun yang kedelapan Hijrah, dan berangkat ke Madinah bersama-sama dengan ayahandanya dan kaum Ansar pada akhir bulan Dhū al-Ḥijjah tahun itu juga.

Masa yang tersebut, menurut Siti Fatimah hanyalah ibarat mimpi kepadanya.

Mimpi ini telah berlanjutan sesudah itu dinikmati oleh Siti Fatimah selama dua tahun. Ia telah berasa bahagia tinggal senegeri dengan ayahandanya dan dapat melihat ayahandanya yang tampan dan menarik itu siang dan malam, dan berbahagia menikmati tumpahan kasih ayahandanya kepadanya dan kepada anak-anaknya serta suaminya. Dalam peringkat masa yang tersebut Siti Fatimah berpeluang memulihkan setengah daripada tenaganya yang telah hilang ketika ia menempuh penderitaan-penderitaan yang pahit dahulu, dan dengan itu dapatlah ia menumpukan tenaganya pada mendidik anak-anaknya – cucu Rasulullah yang amat disayangi oleh baginda – dan membiarkan urusan rumahtangga kepada seorang khadam perempuan yang telah dibawa oleh Saiyidina Ali, setelah ia (Ali) lapang sedikit hidupnya dengan pemberian-pemberian yang diperolehinya dalam masa merempuh medan-medan perang dan menempa kemenangan-kemenangan yang besar.

Kesedaran yang Mengerikan

Akhirnya timbullah kesedaran yang mengerikan!

Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam,* pada akhir bulan Ṣafar tahun yang kesepuluh Hijrah telah jatuh gering. Keluarga Nabi dan orang ramai menyangka bahawa baginda akan segera sembuh, kerana tidak terlintas di hati siapa-siapa bahawa baginda akan mangkat tidak berapa lama kemudian daripada itu.

Tetapi Siti Fatimah seoranglah sahaja, yang sebaik-baik sahaja mendengar berita itu telah berasa ngeri.

Sebabnya, kerana ia teringat akan kata-kata yang dibisikkan oleh ayahandanya kepadanya ketika ia pergi melawatnya di rumah Siti 'Aishah pada beberapa hari yang lalu. Pada hari itu apabila melihat kedatangannya, Rasulullah segera

mengalu-alukannya dengan tersenyum lalu bersabda:

"Marḥaban yā bintī"

(Selamat datang anakku).

Lalu baginda menciumnya dan disuruhnya duduk di sebelah kanannya, kemudian baginda berbisik kepadanya, bahawa baginda terasa sampai ajalnya. Apabila Siti Fatimah menangis, maka baginda pun memujuknya dengan berkata: "Engkaulah orangnya dari keluargaku yang pertama sekali mati menurutku" lalu baginda menambah, sabdanya:

"Alā taraḍīna an takūnī saiyidata nisāi hadhihi al-ummah?"

(Tidakkah engkau suka untuk menjadi penghulu bagi kaum perempuan dari umat – Islam – ini?) – (*Ṣaḥīḥ Bukhārī*).

Gembiralah Siti Fatimah mendengar sabda Rasulullah, lalu ia ketawa setelah ia menangis tadi. Siti 'Aishah yang sedang memerhati peristiwa itu telah berasa takjub melihat Siti Fatimah ketawa setelah ia baharu menangis tadi, lalu berkata: "Aku tidak pernah melihat suatu peristiwa gembira yang seolah-olah berupa peristiwa sedih seperti apa yang berlaku hari ini." Kemudian Siti 'Aishah bertanya kepada Siti Fatimah, setelah mendapat peluang: Apakah yang telah dibisikkan oleh Rasulullah?

Siti Fatimah menjawab: "Takkan saya hendak membukakan rahsia yang dibisikkan oleh Rasulullah kepada saya!?

Siti Fatimah pun balik ke rumahnya pada hari itu, setelah ia berasa sedap hati melihatkan ayahandanya yang dikasihi sihat seperti biasa.

Apabila Siti Fatimah mendapat berita beberapa hari kemudian daripada itu bahawa baginda sedang gering, maka resah gelisah ia dan berasa ngeri, lalu bersegera pergi ke rumah ayahandanya dengan berupa cemas dan dirasainya seolah-olah jantungnya telah gugur dari tempatnya dalam dadanya.

Dilihatnya ayahandanya sedang memaksa diri menahan derita sakit, sambil berjalan ke rumah isteri-isteri baginda lepas satu satu seperti biasa, dan manakala baginda tiba di rumah isterinya: Siti Maymunah binti al-Harith Al-Hilaliyyah, tiba-tiba baginda terasa badannya letih dan sakitnya bertambah, lalu baginda meminta sekalian isteri baginda berkumpul di situ, kemudian baginda meminta izin supaya dibenarkan dirawat dan dibela di rumah Siti Aishah.

Tinggallah Siti Fatimah menyengkang mata siang malam di sisi ayahandanya yang sedang gering, membela dan melayan baginda, sambil berdoa mudah-mudahan baginda segera sembuh.

Tetapi Siti Fatimah tidak dapat menahan hati dan berasa hiba dan terharu apabila dilihatnya ayahandanya yang dikasihi mengambil air dengan tangannya lalu dibasahinya rambutnya sambil berkata:

"Aduhai sukarnya aku!"

Tercekik suara Siti Fatimah menangis lalu berkata dengan suara yang sedih dan terharu:

"Aduhai sukarnya aku melihatkan ayah bersusah payah menahan derita!"

Sambil merenungnya dengan perasaan belas kasihan, Rasulullah menjawab kata-kata Siti Fatimah itu, ujarnya:

"Sesudah hari ini, ayah mu tidak akan menanggung susah payah lagi!"

Rasulullah pun menutup mata dengan meninggalkan Siti Fatimah seorang yatim piatu yang menanggung duka nestapa.

* * *

Fana rasanya Siti Fatimah dipalu oleh kehilangan

ayahandanya yang dikasihi itu, setelah sedar semula tiba-tiba didengarnya Saiyidina Abu Bakar telah terpilih menjadi khalifah, sedang Rasulullah baharu wafat pada kira-kira empat puluh delapan jam yang lalu.

Siti Fatimah pun memaksakan dirinya yang telah lumpuh dan tidak bermaya itu, lalu bangun dan bersegera pergi ziarah kubur ayahandanya yang dikasihi. Setibanya di situ, sebagaimana yang tersebut dalam Sahih Bukhari, ia pun mengambil segenggam pasir dari atas kubur Rasulullah lalu didekatkannya kepada dua belah matanya yang sedang bengkak kerana menangis, kemudian diciumnya pasir itu, sambil bersyair dengan sedihnya (maksudnya):

"Apa salahnya aku mencium pasir kubur
(ayahku) Muhammad
Tidakkah pasir itu sedia dicium oleh manusia
sepanjang zaman?
Kemalangan telah mencurah-curah menimpaku
Kalaulah dia mencurah-curah menimpa siang hari yang terang
benderang nescaya akan bertukarlah dia menjadi
malam yang gelap gelita!"

Siti Fatimah terus menangis sebaik-baik sahaja ia menyudahkan rangkapan syair itu, tangisannya itu menjadikan orang ramai yang ada di situ turut menangis. Mereka makin bertambah belas kasihan melihat apabila Siti Fatimah melepaskan pasir itu dari genggamannya dengan gaya yang menunjukkan perasaan putus harap, kemudian ia merenung kepada kedua tangannya yang kosong itu, lalu berjalan pulang, seperti seorang yang telah selesai melepaskan tangan dari dunia dan isinya.

Orang ramai memandang bulat kepadanya dengan hati belas bercampur hiba, di sepanjang-panjang perjalanannya itu. Setibanya di rumah, lalu didapatinya Anas ibn Malik (khadam ayahandanya: Rasulullah) meminta supaya ia bersabar.

Siti Fatimah pun menempelak Anas lalu berkata:

"Bagaimana tergamak hatimu menyerahkan tubuh Rasulullah kepada bumi?"

Anas menangis dan tidak berani lagi dia atau orang lain hendak mengulangi perkataannya kepada Siti Fatimah supaya ia bersabar.

- bersambung

BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bachaan Sekolah Rendah:

1.	Tunas Baru (ABC) (Abdul Rahman H. Said)		1.50
2.	Tunas Baru I		1.00
3.	Tunas Baru II, III dan IV (Abdul Rahman M. Said		1.50
4.	Senang Bacha I dan II (Hasan Basri)	satu	80

(b) Buku2 Bachaan Tambahan untok Sekolah Rendah:

5.	Kuching Hitam (A. H. Edrus)		.30
6.	Peristiwa Hari Sabtu	"	.30
7.	Nabi Sulaiman Dengan Semut	"	.30
8.	Lutong Sakti I	"	.35
9.	Lutong Sakti II	"	.35
10.	Karun Dengan Harta-nya	"	.35
11.	Pekebun Yang Tama'	"	.35
12.	Lembu Chantek	"	.35
13.	Kisah Minangkabau	"	.40
14.	Sutan Balun	"	.40
15.	Puteri Balqis	"	.45
16.	Pendudok Gua	"	.50
17.	Sebab Harimau	"	.50
18.	Cherita Burong Hantu	"	.75
19.	Nakhoda Dengan Datok Perpateh		.30
20.	Si-Buta	"	.30

Q A L A M

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.